

KUBELA

BERI HAIWAN DIET MENTAH

Makanan berasaskan daging mentah berpotensi bawa risiko bakteria, ketidakseimbangan nutrisi walaupun popular dalam kalangan pemilik kucing dan anjing

FOKUS

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@
medaprima.com.my

Kasih sayang terhadap haiwan peliharaan sering diterjemahkan melalui pemilihan makanan terbaik untuk mereka.

Ada yang sanggup berbelanja lebih untuk menyediakan daging mentah, organ dan tulang kerana percaya diet itu lebih sihat berbanding makanan komersial.

Bagaimanapun, di sebalik niat memberikan yang terbaik, makanan mentah sebenarnya boleh menjadi punca pelbagai masalah kesihatan jika risiko yang tersembunyi di dalamnya tidak difahami dengan betul.

Trend pemberian makanan berasaskan daging mentah atau 'Raw Meat-Based Diet' (RMBD) semakin mendapat perhatian dalam kalangan pemilik kucing dan anjing.

Antara yang popular ialah 'Biologically Appropriate Raw Food' (BARF), iaitu diet yang mengandungi daging, organ, tulang serta bahan tumbuhan yang dipercayai menyerupai pemakanan semula jadi nenek moyang haiwan berkenaan.

Penyokong diet ini mendakwa ia mampu menghasilkan bulu lebih cantik dan berkilat, mengurangkan bau najis, meningkatkan pembentukan otot serta membantu menjaga kesihatan gigi.

Bagaimanapun, Ketua Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Nur Indah Ahmad berkata, pemilik haiwan perlu melihat isu ini daripada perspektif kesihatan dan keselamatan makanan yang lebih menyeluruh.

"RMBD merangkumi pelbagai bentuk makanan mentah termasuk daging segar, produk mentah sejuk beku, makanan mentah kering beku (freeze-dried) dan campuran daging mentah yang dikeringkan.

"Perkara paling penting yang perlu difahami ialah makanan ini tidak melalui proses pemanasan untuk mengurangkan risiko untuk membunuh mikroorganisma berbahaya yang mungkin terdapat dalam bahan mentah itu," katanya.

> 34

BAKTERIA ZOONOTIK MEREBAK

Salmonella dan Campylobacter antara ancaman utama dalam diet mentah yang boleh tersebar melalui najis haiwan

TIADA bukti saintifik yang kukuh menunjukkan RMBD memberikan manfaat kesihatan yang lebih baik berbanding makanan yang diformulasikan secara komersial. - Gambar hiasan

> DARI MUKA 33

Beliau berkata, risiko pencemaran boleh berlaku pada setiap peringkat, bermula daripada sumber bahan mentah, proses penyimpanan, pengangkutan, penyediaan makanan di rumah sehingga ketika makanan itu diberikan kepada haiwan.

"Keadaan menjadi lebih berisiko sekiranya amalan kebersihan tidak dipatuhi atau makanan disimpan pada suhu yang tidak sesuai.

"Antara bakteria yang sering dikaitkan dengan makanan mentah ialah 'Salmonella' dan 'Campylobacter' yang boleh menyebabkan penyakit kepada haiwan dan manusia.

"Salmonella adalah bakteria zoonotik yang boleh merebak antara haiwan dan manusia serta menyebabkan gangguan sistem penghadaman seperti cirit-birit, muntah dan sakit perut," katanya.

Kata beliau, lebih membimbangkan, bakteria ini mempunyai daya tahan tinggi dan mampu kekal hidup walaupun selepas melalui proses sejuk beku atau pengeringan.

Selain itu, Campylobacter turut menjadi ancaman kerana boleh menyebabkan jangkitan usus yang serius sehingga mengakibatkan cirit-birit berdarah.

"Dalam kes tertentu, jangkitan Campylobacter pada manusia boleh menyebabkan komplikasi serius seperti 'Sindrom Guillain-Barré' yang berpotensi mengakibatkan kecacatan kekal dan kematian," katanya.

Dr Nur Indah yang juga Pensyarah Kanan (Kesihatan Awam Veterinar) berkata, haiwan peliharaan yang dijangkiti bakteria ketidakeimbangan nutrisi tidak menunjukkan gejala yang jelas, namun masih mampu menyebarkan kuman melalui najis selepas makan mentah.

"Risiko bukan hanya kepada haiwan peliharaan, tetapi juga kepada pemilik dan ahli keluarga yang mengendalikan makanan mentah atau mempunyai kontak rapat dengan haiwan itu," katanya.

Beliau menjelaskan, proses memasak adalah langkah paling berkesan untuk mengurangkan risiko penyakit bawaan makanan.

"Sebagai panduan, makanan perlu dimasak pada suhu antara 70 hingga 75 darjah Celsius selama



Risiko bukan hanya kepada haiwan peliharaan, tetapi juga kepada pemilik dan ahli keluarga yang mengendalikan makanan mentah atau mempunyai kontak rapat dengan haiwan itu
DR NUR INDAH

sekarang-kurangnya dua hingga tiga minit bagi memastikan kebanyakan bakteria berbahaya dimusnahkan.

"Selain risiko jangkitan bakteria, pemakanan mentah yang disediakan sendiri di rumah turut berpotensi menyebabkan ketidakseimbangan nutrisi," katanya.

Beliau berkata, kajian oleh pakar pemakanan veterinar dari University of California, Davis mendapati, lebih 80 hingga 95 peratus resipi makanan mentah buatan sendiri mengalami kekurangan nutrien penting seperti kalsium, zink, iodin serta vitamin D dan E.

"Ketidakeimbangan nutrisi ini boleh memberi kesan kepada tumbesaran, perkembangan tulang dan kesihatan keseluruhan haiwan peliharaan.

"Dalam masa sama, pemberian tulang mentah juga bukan tanpa risiko, tulang atau serpihan tulang yang tajam boleh

menyebabkan haiwan tercekik, patah gigi, mengalami kecederaan pada gusi dan saluran penghadaman, malah berisiko menyebabkan usus tersumbat atau bocor," katanya.

Mengulas mengenai dakwaan bahawa diet mentah lebih sihat, Dr Nur Indah berkata, sehingga kini tiada bukti saintifik yang kukuh menunjukkan RMBD memberikan manfaat kesihatan yang lebih baik berbanding makanan lengkap dan seimbang yang diformulasikan secara komersial.

"Sebaliknya, kebanyakan kajian yang diterbitkan menunjukkan risiko yang dibawa oleh diet mentah jauh lebih besar berbanding manfaat yang didakwa.

"Atas sebab itu, komuniti veterinar antarabangsa termasuk 'World Small Animal Veterinary Association' (WSAVA) tidak mengesyorkan pemberian makanan berasaskan daging mentah kepada kucing dan anjing.

"Pendekatan itu selari dengan konsep 'One Health' yang mengiktiraf kesihatan manusia, haiwan dan persekitaran sebagai elemen yang saling berkait dan mempengaruhi antara satu sama lain," katanya.

Menurutnya, dalam konteks ini, kuman dalam makanan mentah bukan sahaja boleh menjejaskan kesihatan haiwan peliharaan, malah berpotensi mengancam kesihatan manusia melalui pencemaran silang dan penyebaran penyakit zoonotik.

"Kuman tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi kesannya boleh memberi implikasi besar kepada kesihatan haiwan dan manusia.

"Oleh itu, pemilihan makanan untuk haiwan peliharaan perlu dibuat secara berhemah, berdasarkan bukti saintifik dan nasihat profesional daripada doktor veterinar," katanya.

Hakikatnya, menjaga kebajikan haiwan peliharaan ini bukan sekadar memilih makanan yang kelihatan semula jadi, tetapi memastikan makanan yang diberikan benar-benar selamat, seimbang dan tidak mendatangkan risiko kepada semua yang berkongsi persekitaran yang sama.